

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 25 Oktober 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kementerian mengurangkan kebergantungan pekerja asing untuk sektor perladangan - dilaporkan seramai 32,000 buruh asing yang sudah lengkap divaksin akan dibawa masuk ke Malaysia sebagai pekerja dan penuai di ladang-ladang kelapa sawit di seluruh negara pada pertengahan bulan Oktober.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha Kementerian Perusahaan dan Perladangan Komoditi untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing untuk sektor perladangan adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan Modal Insan melalui Kursus yang ditawarkan di Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) - Pembangunan modal insan bagi melahirkan tenaga kerja mahir di kalangan belia tempatan amat penting dalam sektor agrikomoditi bagi memastikan sektor ini terus berdaya saing dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Antara fokus utama kursus dan latihan yang ditawarkan oleh IMPAC adalah pendedahan penggunaan jentera mekanisasi secara menyeluruh.

- ii. memberikan insentif Skim Galakan Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS) kepada majikan untuk menggalakkan penggunaan mekanisasi bagi menarik minat pekerja tempatan. Dalam usaha untuk menggalakkan syarikat perladangan dan pekebun kecil menggunakan peralatan dan jentera perladangan, diskaun sehingga 20% ditawarkan bagi setiap jentera yang dibeli untuk kegunaan di ladang sawit di bawah OPIMIS. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi melaksanakan skim ini; dan
  
- iii. menggalakkan kajian dan penyelidikan dalam bidang mekanisasi melalui Dana Mekanisasi Sawit. Dalam usaha untuk menggalakkan dan membiayai aktiviti penyelidikan berkaitan mekanisasi oleh institusi penyelidikan tempatan dan antarabangsa, peruntukan Dana Mekanisasi Sawit secara padanan (*matching grant*) berjumlah RM30 juta telah diwujudkan. Melalui penyelidikan yang berterusan adalah diharapkan lebih banyak jentera yang lebih sesuai pada kos yang rendah dapat direkapipta dan diguna pakai bagi meningkatkan produktiviti dan seterusnya mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

Selain langkah-langkah tersebut, Kementerian turut mengalu-alukan penglibatan agensi pekerjaan tempatan untuk tampil dan membantu Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan bekerja di sektor ini.

Sekian, terima kasih.